

# DEWAN EKONOMI


ديوان ايكونومي

Wadah Ekonomi Mutakhir



Edisi Khas **2030**  
**PERAK**  
SEJAHTERA

**MAJLIS DAERAH KERIAN**  
Meneroka Potensi Baharu  
melalui Pertanian,  
Pelancongan dan  
Industri Hijau



**MAJLIS PERBANDARAN  
KUALA KANGSAR**  
Melestarikan Bandar  
Diraja dan Warisan Budaya

**MAJLIS DAERAH  
PERAK TENGAH**  
Pendigitalan dan Kelestarian  
sebagai Teras Pemodenan  
Pentadbiran Tempatan

## LAPORAN KEMAJUAN PERAK SEJAHTERA 2030 TAHUN KETIGA

PIHAK BERKUASA TEMPATAN PEMANGKIN PEMERKASAAN DAERAH

**MALAYSIA  
MADANI**

IndelDBP  
Dewan Ekonomi DBP  
MalaysiaMembaca

0-91232-0725  
0128-8520




0128 852133



DBP

# MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

## *Melestarikan Bandar Diraja dan Warisan Budaya*



Kuala Kangsar merupakan sebuah bandar diraja di Perak yang kaya dengan sejarah dan warisan budaya. Terletak dalam kawasan metropolitan Lembah Kinta, daerah ini mempunyai keluasan sebanyak 256 150.57 hektar dan menjadikannya sebagai daerah ketiga terbesar di negeri ini.

Nama Kuala Kangsar dikaitkan dengan bilangan 99 anak sungai yang mengalir ke Sungai Perak di kawasan ini. Disebabkan oleh jumlahnya tidak mencapai 100, tempat ini dinamakan sebagai “Kuala Kurang Sa” yang akhirnya berubah sebutannya menjadi Kuala Kangsar.

Sungai Perak pula berperanan sebagai nadi pengangkutan yang penting di Perak. Sungai ini menghubungkan pekan kecil dengan perkampungan yang terdapat di sekitar Kuala Kangsar.

### **Kuala Kangsar sebagai Bandar Diraja**

Pada tahun 1877, Sultan Perak ke-26, Sultan Yusuf Sharifuddin Mudzaffar Shah telah menetapkan Kuala Kangsar sebagai pusat pemerintahan rasmi Kesultanan Perak. Keputusan ini dibuat susulan perubahan sistem pentadbiran negeri akibat Perjanjian Pangkor 1874 yang membawa kepada campur tangan British dalam urusan pemerintahan negeri. Pemilihan Kuala Kangsar sebagai pusat pemerintahan juga didorong oleh kedudukan geografinya yang terletak di tebing Sungai Perak, sekali gus menjadikannya kawasan yang strategik untuk pertahanan, pengangkutan dan perdagangan.

Kesan daripada pemusatan pemerintahan tersebut, landskap pembangunan Kuala Kangsar telah berubah daripada sebuah pekan kecil kepada sebuah bandar utama di Perak. Perubahan ini dapat dilihat melalui kewujudan pelbagai mercu tanda bersejarah negeri dan negara yang kekal utuh hingga hari ini.

Kemunculan pelbagai mercu tanda bersejarah membuktikan peranan penting Kuala Kangsar dalam sejarah negara. Antaranya termasuklah penubuhan sekolah Melayu pertama di Tanah Melayu, iaitu Sekolah Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1897 dan Maktab Melayu Kuala Kangsar atau Malay College Kuala Kangsar, sebuah institusi pendidikan elit yang dibina pada tahun 1905 yang juga dikenali sebagai “Eton of the East” kerana sumbangannya dalam melahirkan pemimpin negara.

Kuala Kangsar turut menempatkan Masjid Ubudiah, antara masjid ikonik di Malaysia yang dibina atas titah Sultan Idris Murshidul’adzam Shah dan siap dibina pada tahun 1917.

Tidak terhenti dengan pembangunan fizikal semata-mata, Kuala Kangsar terus berkembang sebagai bandar warisan dan pelancongan yang terkenal. Daerah ini juga sinonim dengan penghasilan seni pertukangan tradisional seperti labu sayong, tekat benang emas, pemalu rebana, pembuatan keris dan pemprosesan pingat kebesaran negeri.

**Penubuhan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar**  
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) ditubuhkan pada 1 Januari 1980 sebagai Majlis Daerah Kuala Kangsar (MDKK) mengikut peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Penubuhan ini melibatkan penyusunan semula beberapa pihak berkuasa tempatan yang merangkumi sembilan mukim dan 11 pekan dalam daerah Kuala Kangsar.



Istana Iskandariah yang siap dibina pada tahun 1933 berfungsi sebagai istana rasmi serta tempat bersemayam pemerintah yang ditabalkan sebagai Sultan Perak.



Muzium diraja yang dahulunya dikenali sebagai Istana Kenangan memperlihatkan kehalusan seni pertukangan Melayu Perak menerusi dinding kelarai dan bumbung berbentuk perabung pisang sesikat.

Selaras dengan Seksyen 7(1) Akta 171, MDKK telah mewartakan perluasan kawasan pentadbirannya seluas 79.94 kilometer persegi pada Julai 1997. Mengikut bancian tahun 2000, jumlah penduduk di daerah Kuala Kangsar direkodkan sebanyak 154 048 orang, manakala keluasan keseluruhan kawasan pentadbiran mencecah 204.94 kilometer persegi.

Pada 18 Februari 2004, MDKK telah dinaik taraf kepada MPKK. Seiring dengan penaiktarafan tersebut, MPKK telah memperkenalkan moto baharu, iaitu “Kuala Kangsar Bandar Diraja, Bandar Warisan Budaya” yang mencerminkan iltizam untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap serta melestarikan seni warisan budaya setempat.

### **Fokus Utama Perak Sejahtera 2030**

Perak Sejahtera 2030 merupakan pelan pembangunan negeri yang menekankan kemakmuran ekonomi, kesejahteraan rakyat dan pembangunan mampan. Pelan ini dirangka untuk meningkatkan taraf hidup rakyat serta memastikan pembangunan negeri dilaksanakan secara seimbang dan berteraskan aspirasi rakyat.

Kuala Kangsar secara khusus telah dikenal pasti sebagai kawasan tumpuan di bawah Flagship ke-10: Ekonomi Pengalaman. Tumpuan utama di bawah inisiatif ini ialah pembangunan Koridor Pelancongan Diraja Global, Pelancongan Persisir Sungai serta Pelancongan Peradaban dan Kesejahteraan Nusantara. Tanggungjawab ini dilaksanakan melalui kerjasama antara Tourism Perak dengan beberapa agensi kerajaan yang berkaitan dengannya.

Segmen utama *flagship* ini memberikan fokus kepada pelancongan berasaskan warisan budaya dan sejarah kesultanan Perak. Pendekatan ini bertujuan memperkenalkan Perak sebagai destinasi pelancongan utama melalui pemerksaan ekopelancongan, pemuliharaan warisan sejarah dan pengantarabangsaan produk tempatan.

Seterusnya, usaha menjenamakan Kuala Kangsar sebagai bandar diraja dan pusat kebudayaan turut menjadi keutamaan. Langkah ini dijangka mampu menarik kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara, sekali gus merancakkan aktiviti ekonomi tempatan.



Masjid Ubudiah dibina atas nazar Sultan Idris Murshidul'adzam Shah dan disempurnakan pembinaannya pada tahun 1917.

### Peranan MPKK Mendukung Perak Sejahtera 2030

Peranan utama PBT dalam menjayakan agenda Perak Sejahtera 2030 termasuklah memastikan penyediaan prasarana dan kemudahan sokongan yang menyeluruh. MPKK bertanggungjawab untuk menambah baik kemudahan pelancongan seperti penginapan, pengangkutan dan kebolehcapaian ke lokasi tumpuan pelancongan. Sebagai pemangkin kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang telah dirancang, MPKK memainkan peranan penting demi merealisasikan matlamat utama pelan ini, selaras dengan jumlah pelaburan yang digerakkan oleh kerajaan negeri. Bagi mencapai matlamat tersebut, MPKK melaksanakan pelbagai usaha yang merangkumi pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang selesa serta peningkatan tahap kebersihan persekitaran dan pemeliharaan kelestarian alam sekitar. Selain itu, MPKK turut menumpukan perhatian terhadap peningkatan



Kolej Melayu Kuala Kangsar merupakan sekolah menengah berasrama yang pertama untuk pelajar Melayu di negara ini.

kecekapan pengurusan bandar melalui aplikasi pintar, pelaksanaan pelan pembangunan sektor ekonomi, pengukuhan program pelancongan domestik serta pemerksaan komuniti setempat ke arah kehidupan sosial yang lebih kondusif.

MPKK juga berperanan sebagai agensi pelaksana bagi pembangunan Grand Bazaar, iaitu inisiatif untuk menonjolkan Kuala Kangsar sebagai bandar diraja yang mempunyai daya tarikan antarabangsa. Projek ini melibatkan pembangunan kemudahan rekreasi di lembah Sungai Perak, sekali gus menawarkan ruang riadah serta istirahat yang sesuai untuk dinikmati oleh pelancong dan penduduk setempat bersama-sama dengan keluarga. Pembangunan ini juga dirancang sebagai lokasi penganjuran pelbagai program utama peringkat daerah dan negeri, sejajar dengan aspirasi menjadikan Kuala Kangsar sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia.

Kuala Kangsar merupakan pusat warisan Kesultanan Perak yang menampilkan rangkaian elemen diraja dalam satu lokaliti yang saling berkait dan memperkukuh identiti sejarah negeri. Istana Iskandariah yang tersergam megah di Bukit Chandan menjadi lambang kedaulatan dan dikelilingi oleh tapak bersejarah seperti Muzium Diraja (Istana Kuning), Maqam Diraja Al-Ghufran, Istana Hulu (Galeri Sultan Azlan Shah) serta Masjid Ubudiah yang terkenal dengan seni bina Islam yang indah. Kesemua lokasi ini berada dalam jajaran yang sama, manakala Sungai Perak memainkan peranan dalam istiadat pertabalan Sultan Perak sebagai sebahagian daripada tradisi kesultanan.

Tambahan pula, pokok Kalumpang yang tumbuh di kawasan sekitar istana menjadi sumber motif ukiran tradisional yang menghiasi bangunan diraja. Kesemua elemen ini, yakni istana, muzium, galeri, masjid, maqam, sungai dan flora jika digabungkan

secara terancang mampu membentuk sebuah Kompleks Warisan Diraja untuk dikaji, dinaskhahkan dan diperlihatkan kepada umum.

Dalam aspek pelancongan sungai, MPKK turut terlibat secara langsung. Sungai Perak berfungsi sebagai jalan penghubung utama bagi penduduk yang tinggal di sepanjang sungai ini untuk ke bandar. Penduduk dari pelbagai mukim dan perkampungan lazimnya menggunakan sampan atau bot pada awal pagi untuk menjalankan urusan harian di bandar.

Muara Sungai Kangsar yang kini dikenali sebagai Dataran Persisiran Sungai Lembah menjadi jeti utama dan menerima kehadiran puluhan bot dan sampan kecil pada setiap hari. Sebahagian besar penduduk akan ke pasar awam untuk membeli keperluan harian atau ke pejabat kerajaan seperti pejabat tanah dan pejabat pos, sebelum pulang semula ke kampung pada waktu tengah hari.

Catatan tentang suasana kesibukan sungai ini pernah dirakamkan dalam buku *Perak Postcards 1890s–1940s*, halaman 95. Gambaran tersebut bakal dihidupkan semula melalui penganjuran pelbagai aktiviti sungai seperti pelayaran bot pelancong menyusuri Sungai Perak, pesta sukan air dan acara kebudayaan tempatan.

Selain pembangunan Grand Bazaar, Kompleks Warisan Diraja serta pelancongan Sungai Perak, beberapa projek tambahan turut dirancang di bawah



Tekak benang emas merupakan warisan halus bagi Perak yang sinonim dengan penggunaannya di istana serta dalam upacara yang melibatkan keluarga diraja.

(Sumber: ©Azydar Enterprise)

inisiatif Perak Sejahtera 2030, khusus untuk daerah Kuala Kangsar. Antaranya termasuklah pembangunan Bandar Baru Lintang, penempatan baharu bagi pusat pentadbiran kerajaan serta cadangan pembinaan jajaran Lebuhraya Baru (WISE) Gopeng–Kuala Kangsar.

Pelaksanaan projek ini dijangka dapat meningkatkan profil Kuala Kangsar sebagai destinasi pelancongan diraja yang unggul, sekali gus



Sungai Perak berperanan sebagai nadi kemajuan ekonomi Kuala Kangsar menerusi pelbagai kegiatan air dan acara kebudayaan yang menyerlahkan identiti setempat.

memperkuh kedudukan daerah ini dalam pelan pembangunan ekonomi negeri. Pada masa yang sama, identiti warisan budaya dan sejarahnya akan terus dipelihara.

Dengan pelaksanaan kesemua inisiatif yang digariskan, MPKK menyumbang secara langsung terhadap kejayaan agenda Perak Sejahtera 2030 yang memfokuskan kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial serta pembangunan mampan. Tanggungjawab ini bukan sahaja untuk memastikan Kuala Kangsar sebagai sebuah bandar diraja yang maju dan lestari, malah memastikan kualiti hidup penduduk sentiasa terpelihara.

Iltizam MPKK adalah untuk membangunkan Kuala Kangsar sebagai bandar warisan budaya yang terpelihara, berteraskan masyarakat yang berintegriti serta mempunyai persekitaran yang indah permai. Sebagai Bandar Diraja Perak, Kuala Kangsar memiliki keupayaan untuk mengekalkan identiti tradisionalnya dan berkembang sebagai sebuah bandar moden yang dinamik dan lestari.

**Dr. Sakduddin Zamli,**  
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.